

Hayati mesej Tun Razak: TPM

12/11/2006

UiTM perlu letak bangsa pada puncak kegemilangan, lahir profesional terbilang

Oleh Wan Jailani Razak

SHAH ALAM: Datuk Seri Najib Razak mengajak warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) menghayati mesej bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang mahu mereka berfikiran sajana ke arah melahirkan lebih ramai profesional terbilang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, cabaran memiliki minda cemerlang dan berfikiran jauh mesti disahut kerana usaha menjadikan UiTM sebagai universiti cemerlang adalah proses tidak berpenghujung.

Katanya, UiTM harus melihat bagaimana produk yang dilahirkan bukan saja mendapat pekerjaan, malah boleh menjadi pemimpin, pelopor dan golongan yang mampu mengubah untung nasib bangsa Melayu.

"UiTM perlu berusaha meletakkan bangsa kita pada puncak kegemilangan dengan melahirkan insan yang bukan saja ada kelulusan akademik tetapi komited berjuang atas nama bangsa, agama dan negara.

"Di sinilah letaknya perbezaan UiTM kerana ia tidak boleh menjadi kilang yang mengeluarkan lulusan semata-mata," katanya ketika melancarkan buku Sejarah UiTM sempena perasmian Galeri Tun Abdul Razak dan majlis Aidilfitri di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Najib berkata, sejarah boleh men-

jadi pemangkin kepada lonjakan sesuatu bangsa dan sehubungan itu masyarakat perlu kembali menilai sejarah untuk menyemak asal usul dan nikmat yang dikecapi sekarang.

"Sejarah boleh menjadi kompas untuk menentukan hala tuju masa depan. Jika kita golongan yang tahu menilai sejarah kita akan tahu bagaimana kita akan menjadikan bangsa, agama dan negara

INFO

Usaha Najib perkasakan UiTM

- Lulus pelan induk pengambilan 100,000 pelajar.
- Naik taraf ITM kepada UiTM dan sasaran pengambilan 200,000 pelajar dalam lima tahun.
- Peruntukan lebih RM3 bilion menerusi RMK-9.

lebih cemerlang.

"Kalau buta sejarah, kita akan mengulangi kesilapan masa lalu dan mungkin kita akan dihukum sejarah," katanya sambil bersyukur kerana dapat meneruskan perjuangan yang diasaskan bapanya untuk memajukan UiTM yang kini mencecah usia 50 tahun.

Beliau berharap Galeri Tun Abdul Razak mencontohi kemasyhuran

Ashmolean Museum di Oxford University, London dan Leiden University di Belanda untuk menjadi pusat rujukan terkenal bukan saja dalam negara, malah pada peringkat antarabangsa.

Menyorot liku sejarah kewujudan UiTM bermula dengan Dewan Latihan Rida, Najib berkata, pemimpin terdahulu berdepan cabaran sukar melahirkan institusi pendidikan kerana negara ketika itu masih dicengkam kemiskinan dan kurang kemudahan asas termasuk tenaga pengajar.

"Tetapi oleh kerana kepemimpinan negara ketika itu mempunyai iltizam politik yang kuat untuk melihat bangsa maju dan berjaya, lahirlah sebuah institusi yang hari ini menjadi kebanggaan seluruh bangsa Melayu dan negara.

"Oleh itu, satu cara bagi mengabadikan jasa mereka ialah mewujudkan sebuah galeri dan muzium yang terkandung bahan catatan sejarah untuk dilihat, ditonton, di-belek dan dijadikan pusat rujukan serta penyelidikan untuk generasi hari ini dan akan datang," katanya.

Najib berkata, tiga detik penting membabitkannya dan UiTM ialah apabila beliau meluluskan pelan induk untuk pengambilan 100,000 pelajar ketika menjawat Menteri Pendidikan, menaik taraf ITM kepada UiTM dan sasaran pengambilan 200,000 pelajar dalam tempoh lima tahun dengan peruntukan lebih RM3 bilion menerusi RMK-9.